

**SOALAN NO. : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**YB Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab musabab dan pengajaran daripada peristiwa banjir besar melanda negeri-negeri Pantai Timur baru-baru ini dan tindakan-tindakan pemulihan selama ini.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut laporan awal Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), antara punca berlakunya banjir sehingga menyebabkan kerosakan banyak rumah pada episod musim tengkujuh tahun 2014-2015 adalah seperti berikut:

- a) kejadian hujan lebat yang ekstrem, menyeluruh dan berterusan selama 10 hari (iaitu antara 15 Disember 2014 hingga 24 Disember 2014). Mengikut rekod pemantauan JPS, purata hujan tahunan bagi Negeri Kelantan adalah sekitar 3000mm. Walau bagaimanapun akibat fenomena perubahan iklim, sebanyak 30% (iaitu 944mm) dari jumlah hujan tahunan telah turun dalam tempoh 10 hari tersebut di Negeri Kelantan. Berdasarkan kepada pemantauan stesen telemetri JPS, kebanyakan aras air sungai di Negeri Kelantan telah meningkat melebihi tahap bahaya;
- b) kawasan tanah di kawasan tadahan telah menjadi tepsu dan tidak mampu untuk menyerap air hujan yang turun secara berterusan. Air hujan yang turut kemudiannya telah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir sedia ada;
- c) kejadian air pasang besar (*spring tide*) yang berlaku pada tempoh yang sama. Aras air pasang yang tinggi telah menyebabkan pertembungan air banjir dengan air laut yang memburuk keadaan; dan

- d) topografi kawasan yang rendah dan landai serta berdekatan dengan sungai yang berarus deras menyebabkan kemusnahan kepada kediaman.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kejadian banjir pada Disember 2014 hingga Januari 2015 yang lalu telah memberi satu perspektif baru kepada pengurusan bencana di Negara ini. Persediaan menghadapi bencana banjir sememangnya dilaksanakan secara berterusan oleh semua agensi-agensi yang berkaitan termasuklah agensi-agensi dibawah Kerajaan Negeri. Kerjasama antara agensi Kerajaan Pusat dan Kerajaan negeri turut diperlukan.

Walau bagaimanapun, perubahan cuaca dan hujan lebat berpanjangan dalam tempoh singkat telah menyebabkan paras air sungai naik mendadak dimana pemindahan mangsa-mangsa banjir perlu dilaksanakan dengan pantas.

Kesedaran orang awam terhadap pengurusan bencana di Jepun wajar dicontohi. Peranan menyelamatkan diri, mengurangkan risiko kemalangan jiwa bermula dari individu sendiri dan bukan bergantung sepenuhnya kepada agensi penyelamat. Di samping itu, semua pihak perlu berganding bahu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan risiko bencana kerana tanggungjawab dalam pengurusan bencana adalah tanggungjawab kita bersama.

Antara tindakan pemulihan yang sedang dilaksanakan Kerajaan bagi membantu mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana banjir musim tengkujuh lalu adalah seperti berikut:

- a) Bantuan pemberian rumah kepada mangsa-mangsa yang layak dibawah Program Pemberian Kerosakan Rumah-Rumah Mangsa Banjir. Sehingga 27 Februari 2015, sebanyak 6,693 buah rumah telah layak menerima bantuan ini berdasarkan siling pemberian sehingga RM10,000 setiap seunit rumah. Pemberian rumah ini akan diselaraskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bersama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board* – CIDB), GiatMara, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di Negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Perak dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM40 juta; dan
- b) Program pembinaan semula rumah yang diselaraskan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Sebanyak 2,094 keluarga layak menerima bantuan ini susulan kemusnahan rumah (*total loss*) akibat banjir. Seperti mana yang telah diumumkan Kerajaan, 2 model rumah akan didirikan iaitu jenis bertiang atas tanah dengan kos RM40,000 hingga RM48,000 sebuah dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM174 juta.

Sekian. Terima kasih.